

PERKEMBANGAN POLITIK SELEPAS PERANG DUNIA KEDUA MEMPENGARUHI PERJUANGAN KEMERDEKAAN DI TANAH MELAYU

PENGENALAN

Pendudukan Jepun di Tanah Melayu (1941-1945) iaitu lebih kurang 3 tahun 8 bulan telah menggalakkan kemunculan dan kemajuan semangat kebangsaan di negara ini. Kesedaran anti penjajahan yang tersebar selepas perang dunia kedua telah melahirkan nasionalis golongan Melayu membabitkan diri dalam politik, sama ada dalam pendekatan yang radikal atau sedehana. Pengalaman menjawat jawatan kanan seperti pegawai daerah serta pelbagai tekanan ekonomi di zaman Jepun ini telah menimbulkan rasa sendiri dalam diri orang Melayu itu untuk memerintah negara sendiri.

Pada zaman ini juga wujud permusuhan kaum. Pertelagahan berlaku antara kaum Melayu dan Cina yang akhirnya membentuk penubuhan parti- parti politik mengikut kaum yang mendukung penubuhannya. Kekalahan Jepun menyemarakkan lagi pihak kolonial British untuk menghidupkan gagasan Malayan Union yang pernah difikir semasa perang berlangsung lagi. Pelaksanaan ini merupakan

faktor penting dalam sejarah Malaysia kerana ia telah menghidupkan dan memarakkan semangat orang Melayu. Yang paling penting ia telah memulakan gerakan politik anti British dengan cara terbuka. Malah merupakan bibit-bibit permulaan perpaduan orang Melayu untuk memperjuangkan kemerdekaan. Perjuangan ini bertambah pesat ekoran terlaksananya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948. Darurat yang berlangsung selama 13 tahun itu telah mempercepatkan lagi proses kemerdekaan Tanah Melayu. Hinggalah tahun 1955 iaitu apabila pilihanraya Persekutuan/umum diadakan, politik Tanah Melayu mengalami perubahan drastik ekoran pendudukan Jepun. Jelas dilihat selepas perang Dunia ke-2. British terpaksa rela menyediakan dan melatih serta membimbing anak-anak Melayu tempatan menerajui negara.

SISTEM POLITIK NEGARA MALAYSIA

Parti- parti politik di negara ini mempunyai asal usul dan bertitik tolak daripada konflik perkauman. Orang- orang Melayu bersatu padu untuk membentuk UMNO sebagai sebuah benteng pertahanan terhadap ancaman hak- hak orang Melayu Oleh Malayan Union pada tahun 1946. Orang- orang Cina telah memberi reaksi terhadap perjanjian Melayu- Inggeris 1947 dan langkah drastik yang telah di ambil terhadap setinggian Cina pada zaman darurat telah menyebabkan orang- orang

Cina telah mewujudkan MCA untuk menjaga kepentingan dan memberi perlindungan kepada orang Cina. Berlainan pula dengan masyarakat India, golongan atasan India tidak mempunyai keupayaan untuk mewujudkan sebuah parti politik yang stabil dan efektif. Pucuk pimpinan golongan India yang bekerja telah di ambil alih oleh Kesatuan- kesatuan Sekerja. Kesatuan ini sebenarnya bertujuan untuk menumpukan perhatian terhadap matlamat yang berkaitan dengan ekonomi iaitu persoalan tentang kenaikan gaji dan isu- isu lain, tetapi tidak dalam bidang politik dan isu perkauman. (Malaysia Kita: Panduan dan Rujukan untuk Peperiksaan Am Kerajaan, 2003)

MALAYAN UNION 1946

Malayan Union telah diperkenalkan oleh Parti Buruh Britain beberapa bulan selepas British menduduki semula Tanah Melayu. Bagi British, Malayan Union adalah satu langkah pentadbiran dan politik yang sangat maju. (Ramlah, 1993). Dikatakan pelaksanaan Malayan Union pada April 1946 di Tanah Melayu telah menyemarakkan semangat nasionalisme penduduk tempatan khususnya orang-orang Melayu. Mereka merasakan adat dan tradisi tercabar, Malayan Union secara drastik menukarkan taraf negeri-negeri Melayu daripada negeri-negeri naungan British kepada jajahan langsung British, menghapuskan hak istimewa orang Melayu sebagai bumiputera dengan memperkenalkan

konsep kerakyatan 'jus soli' iaitu kewarganegaraan diberikan kepada semua orang asing yang dilahirkan di tanah Melayu serta mereka yang berumur 18 tahun ke atas dan telah bermastautin selama 10 daripada 15 tahun sebelum 15 Februari 1942, serta menghapuskan kedaulatan raja-raja Melayu. Orang-orang Melayu terasa terancam berikutan sewenang-wenangnya orang bukan Melayu khususnya Cina dan India menjadi rakyat di negara ini. Keadaan ini menimbulkan kegusaran orang Melayu kehilangan kuasa politik dan tergugat institusi tradisional.

PENENTANGAN TERHADAP MALAYAN UNION

Hal ini telah menimbulkan tentangan yang dipimpin oleh pegawai-pegawai dan golongan bangsawan Melayu seperti Dato Onn Jaafar, Dr Burhanudin Helmi dan beberapa lagi orang Melayu yang berpendidikan. Mereka terasa terhina dengan sikap pihak British yang angkuh serta bertindak sesuka hati dalam meengemukakan pembaharuan. Bantahan bertambah hebat berikutan peranan akhbar Melayu seperti *Utusan Melayu*, *Majlis* dan *Warta Negara* mengkritik dan menghebah keburukan Malayan Union. (Ramlah, 2000) Keadaan ini disemarakkan lagi oleh galakan daripada pegawai British yang telah bersara seperti Frank Swettenham, George Maxwell dan Winstedt melalui penulisan mereka di akhbar-akhbar British menyatakan kekesalan mereka

HUBUNGAN ETNIK

terhadap cara ketidakadilan British membuat pembaharuan perlembagaan. Namun begitu orang Melayu menentang dengan cara yang lebih teratur dan bersifat kolektif, antaranya berbentuk demonstrasi bantahan seperti di Kelantan oleh Persatuan Persetiaan Melayu 1945 dan 1946 di Kedah dan Johor. Selain itu suatu perjumpaan pada 11 Mac 1946 iaitu Kongres Melayu yaang pertama menggabungkan 41 pertubuhan Melayu termasuklah PKMM dan bersetuju membentuk Kongres Melayu Seluruh Tanah Melayu. Ia bermatlamat untuk menyatupadukan orang Melayu dalam satu badan bersuara yang kuat supaya Malayan Union dimansuhkan. Pada ketika ini Kongres ini belum mempunyai sebarang rancangan kemasyarakatan dan ekonomi yang tertentu sebaliknya hanya mahu memulih kembali kedaulatan Raja- Raja Melayu dan hak-hak orang Melayu sebagai bumiputera. Ia juga telah mengistiharkan bahawa perjanjian Mac Michael itu tidak sah kerana tiada persetujuan dan perbincangan pembesar Melayu dan rakyat jelata. Melalui Kongres ini Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) ditubuhkan pada 11 Mei 1946 bagi memelihara kepentingan orang Melayu. Di mana Dato Onn Jaafar sebagai Presiden utama dan pertama.

Pada satu masa sebelum perang dahulu Yang Berhormat Dato' Onn telah mengatakan kononnya tidak ada pemimpin dalam pergerakan kebangsaan melayu iaitu ketika kebangsaan dan tanah air Melayu sedang menghadapi kegentingan seperti

HUBUNGAN ETNIK

sekarang ini, Yang Berhormat Dato' Onn telah tampil kemuka menjadi pemimpin. (Warta Malaya, 1946)

Keengganan penerimaan Malayan Union ini diburukkan lagi apabila kaum Cina dan India turut mengkritik sesetengah bahagian gagasan itu. Bantahan-bantahan orang Melayu menjadi begitu memuncak menjelang Mei 1946, akhirnya British terpaksa akur kerana pada masa yang sama berlakunya aktiviti komunis dan pelampau Melayu yang mahukan penyatuan politik dengan Indonesia. Mereka sedar bahawa sejauh mana sekali pun sokongan orang Cina dan India terhadap gagasan ini masih tidak dapat menandingi kehebatan bantahan orang Melayu. Akhirnya satu perundangan perubahan perlembagaan dilakukan yang kemudiannya melahirkan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948. Tuntutan daripada orang Melayu telah mencetuskan keadaan politik yang tidak stabil dalam tempoh 1945-1948.(Andaya, 1983). Ternyata Malayan Union adalah satu peristiwa yang mempunyai rahmat yang tersembunyi. Di mana buat pertama kali umat Melayu bangun bersatu menentang British melalui penyatuan mempertahankan hak.

PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

Hasil daripada perundingan jawatankuasa kerja yang mengandungi wakil-wakil kerajaan, Sultan-Sultan dan UMNO, berjaya membentuk perlembagaan baru iaitu Persekutuan Tanah Melayu 1948. Antara ciri-cirinya ialah pemerintahan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-negeri Selat diletakkan di bawah satu pemerintahan manakala Singapura menjadi tanah jajahan British; Kerajaan Persekutuan ditadbir oleh Pesuruhjaya British, Majlis Mesyuarat Kerajaan Persekutuan dan Majlis Perundangan Persekutuan membatu pentadbiran, Majlis Raja-Raja Melayu menasihati Pesuruhjaya Tinggi berkenaan hak-hak istimewa orang Melayu dan agama Islam, syarat-syarat kewarganegaraan diperketatkan dan hak-hak istimewa orang-orang Melayu sebagai kaum bumiputera diperakui. Secara lahiriah persekutuan ini memberi peluang kepada anak-anak tempatan mentadbirkan negara melalui peluang memegang jawatan penting seperti Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri dan lain-lain lagi, bagi memastikan mereka dapat memimpin negara merdeka. Dari aspek geopolitik pula buat pertama kali semua negeri Tanah Melayu diletakkan dalam satu pentadbiran. Namun secara halusnyanya pula British telah berjaya membuka kerakyatan pada kaum-kaum lain. Ini dapat dilihat melalui petikan;

HUBUNGAN ETNIK

"melalui penubuhan Persekutuan Tanah Melayu, dalam tahun 1948, British telah memujuk kaum Melayu supaya menerima bukan Melayu sebagai warganegara dengan syarat-syarat yang lebih ketat...."(Utusan Melayu, 1948)

secara tak sedar, kini Tanah Melayu bukan sahaja milik eksekutif orang melayu tetapi milik bersama kaum-kaum lain. Hal ini di tentang oleh PKMM yang dahulunya menyertai UMNO, atas perbezaan prinsip perjuangan PKKM atau Partai Kebangsaan Melayu ditubuhkan pada Oktober 1945, diasaskan oleh nasionalis-nasionalis Melayu yang berjiwa Melayu dengan cogankata 'membela hak keadilan putera Melayu' dan berserta itu terus menuju cita- cita mulia dan suci iaitu mencapai kemerdekaan bangsa dan tanah air. (Kamaruddin, 1980) juga bermatlamat menyatukan bangsa Melayu dan menyerapkan semangat kebangsaan Melayu ke dalam jiwa orang Melayu seluruhnya melalui gabungan kemerdekaan bersama Indonesia yang di kenali sebagai Republik Indonesia Raya, meningkatkan taraf ekonomi dalam bidang industri, perdagangan dan pertanian. Di samping mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah (Daily News, 1947). Ia dianggap parti radikal kerana berani mengkritik British serta sentiasa membakar semangat kebangsaan orang Melayu. Perbezaan prinsip perjuangan PKMM iaitu penentangannya di dasarkan atas kepentingan rakyat jelata dan demi

HUBUNGAN ETNIK

membela maruah dan kedudukan mereka bukanlah di dasarkan untuk membela kedudukan kaum fuedal. Manakala UMNO pula yang ditubuhkan pada 11 Mei merupakan gabungan pertubuhan Melayu hanya pada tahun 1948 baru wujud sebagai unit politik dan dipimpin oleh golongan berpendidikan Inggeris seperti Dato Onn Jaffar. Pada awalnya ia bukanlah sebuah parti politik untuk menuntut kemerdekaan tetapi sekadar membuat beberapa program pendidikan, ekonomi dan kebajikan dan kepentingan orang Melayu.

Selain itu telah wujud juga API (Angkatan Pemuda Insaf) dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS). Masing-masing dipimpin oleh Ahmad Boestamam dan Shamsiah Fakeh. Ia menyediakan kekuatan sebagai pejuang barisan hadapan untuk negara. Di samping itu memberikan latihan dalam bidang politik kepada pemuda Melayu supaya boleh memimpin dalam apa jua keadaan. Ia melaungkan slogan 'merdeka dengan darah' melalui ucapan Boestamam; (Warta Malaya, 1948)

'kemerdekaan tidak boleh dicapai melalui saaliva atau rayuaan, ia harus diperjuangkan dengan menumpahkan darah'

sikap radikal ini menyebabkan ia diharamkan oleh British pada Julai 1947, manakala PKM pada darurat 1948. Jelas di sini UMNO yang sanggup mengikut telunjuk British terus kekal berbanding pertubuhan atau parti yang radikal. Penubuhan UMNO, PKMM, API dan sebagainya

menunjukkan wujud politik perkauman yang mementingkan orang Melayu. Manakala kaum Cina dan India yang dulunya mementingkan perjuangan berkiblatkan negeri masing-masing. Penetapan orang Melayu ini telah memberikan kesedaran kepada kedua-dua kaum ini untuk menubuhkan parti politik bagi menjaga kepentingan kaum mereka di tanah Melayu.

Malayan Demokratik Union, MDU ditubuhkan pada Disember 1945 bermatlamat mengadakan tentangan yang diharapkan dapat mengimbangkan sedikit pengaruh nasionalisme Melayu supaya mereka tidak terhimpit dan tertekan. Berikutan ini lahirlah Aall Malaya Council Of Joint Action atau AMCJA pada 1946 yang diketuai oleh Tun Tan Cheng Lok. Dimana kesemua pertubuhannya bersifat kiri belaka, manakala ahlinya dikatakan lebih kurang 400,000 orang antara matlamatnya; (Malaysia Kita: Panduan dan Rujukan untuk Peperiksaan Am Kerajaan, 2003)

- I. Negara tanah Melayu yang bersatu termasuk Singapura.
- II. Satu majlis perundangan pusat yang dipilih sepenuhnya bagi seluruh Tanah Melayu.
- III. Hak-hak politik sama rata bagi semua yang menganggap tanah Melayu sebagai negara mereka yang sebenar dan tempat tumpuan taat setia mereka.

- IV. Sultan-sultan akan menjadi pemerintah yang penuh berdaulat dan berperlembagaan serta menerima nasihat-nasihat orang ramai melalui badan-badan demokrasi.
- V. Perkara-perkara agama Islam adalah di bawah kuasa tunggal orang-orang Melayu.
- VI. Perhatian istimewa hendaklah diberikan tumpuan terhadap kemajuan orang Melayu.

Matlamat ini secara tidak disedari cuba menarik orang Melayu untuk bergabung. Akhirnya PKMM menyertai AMCJA dan menubuhkan pusat Tenaga Rakyat atau PUTERA yang terdiri daripada nukleus-nukleus PKMM iaitu API, AWAS, HIZBUL dan lain-lain termasuk PKMM sendiri. Parti ini memasukkan empat prinsip iaitu; (Fadilah & Kassim, 2008)

- a. Bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi negara ini.
- b. Hal ehwal luar negeri dan pertahanan negeri adalah tanggungjawab bersama kerajaan Tanah Melayu dan British.
- c. Melayu hendaklah menjadi gelaran bagi seorang kerakyatan atau taraf kebangsaan di Tanah Melayu.
- d. Bendera kerajaan negeri mestilah mengandungi warna-warna kebangsaan tanah Melayu.

HUBUNGAN ETNIK

Gabungan parti ini tidak mempersetujui usul-usul perlembagaan persekutuan sebaliknya mengusulkan kemasukan Singapura ke dalam Persekutuan tanah Melayu, pengurangan kuasa kerajaan British contohnya membangkang terhadap kuasa yang luas di tangan Pesuruhjaya tinggi sebagai ketua kerajaan persekutuan. PUTERA di bawah pimpinan Dr. Burhanuddin Helmi dan Ishak Hj. Muhammad berpendapat cadangan asal terlalu berfaedah kepada British dan kurang demokratik.

Sehubungan ini Ogos 1947 Tan Cheng Lok menganjurkan satu perjumpaan besar di Dewan Perniagaan Cina, kesatuan-kesatuan sekerja dan lain-lain untuk membantah itu dan menganjurkan satu Hartal (penutupan semua kedai) di seluruh Malaya. Hartal ini telah berjaya dilancarkan tetapi matlamat untuk mempengaruhi British gagal sebaliknya ia dianggap sebagai perbuatan subversif. Dengan ini perjanjian persekutuan dikuatkuasakan pada Februari 1948. Persatuan Cina Semalaya, MCA ditubuhkan pada 27 Februari 1949. Tun Tan Cheng Lok sebagai presiden pertamanya, bertujuan menjaga kepentingan kaum Cina di Tanah Melayu. MCA mendapat galakan dari British yang bertujuan menggunakan MCA untuk mematahkan sokongan orang Cina kepada PKM. MCA lebih merupakan sebuah badan kebajikan yang diasaskan oleh taukeh-taukeh Cina untuk menjaga

kepentingan diri mereka. MCA hanya bertukar menjadi pertubuhan politik dalam tahun 1952 kerana dua sebab;

1. Sebagai reaksi kepada politik Melayu yang sudah mempunyai sebuah parti.
2. Usaha untuk menyatukan masyarakat Cina supaya mempunyai kesetiaan politik terhadap MCA dan bukannya PKM yang pada waktu itu mendapat sokongan besar dr masyarakat Cina.

Kerjasama MCA dengan British diperlihatkan melalui usaha memindahkan setinggian Cina dipinggir hutan ke kampung-kampung baru.(victor,1967).

Kaum India pula menubuhkan MIC, Kongres India Semalaya pada Ogos 1946. Peringkat awalnya merupakan persatuan kelas pertengahan India dan dianggotai oleh ahli profesional berpendidikan Inggeris yang mempunyai kepentingan sendiri. Parti ini secara sedar menyertai AMCJA kerana beranggapan ini akan menguatkan partinya yang ketika itu lemah. Dalam masa darurat MIC telah beralih semila menjadikan parti perkauman semata-mata. Jelas disini parti yang tertubuh selepas perang adalah berbentuk perkauman, dimana masing-masing menentang demi kepentingan kaum mereka. Keadaan ini menampakkan perubahan apabila UMNO pimpinan Dato Onn Jaafar menggalakkan kerjasama yang lebih rapat di antara orang

HUBUNGAN ETNIK

Melayu dan bukan Melayu bagi menuntut kemerdekaan daripada British tetapi ramai ahli UMNO berpendapat sekiranya ini berlaku UMNO tidak lagi memerjuangkan hak-hak orang Melayu semata-mata. Pada 27 Ogos, Dato Onn dengan rasmi meletak jawatan dan diikuti oleh kebanyakan anggota jawatankuasa mereka ini menubuhkan parti politik yang baru iaitu parti Kemerdekaan Tanah Melayu (IMP). Ia boleh dianggap ssebuah parti politik yang tidak bersifat perkauman, ditubuhkan pada tahun 1951. Ia muncul dari kegagalan Dato Onn untuk melebarkan asas UMNO supaya semua kaum dapat di terima menjadi anggota iaitu membuka keahliannya kepada semua rakyat persekutuan Tanah Melayu, rakyat British dan penduduk semenanjung Tanah Melayu yang telah tinggal selama lebih daripada 10 tahun. Tetapi disebabkan ketika itu politik perkauman masih menebal di kalangan penduduk tanah Melayu, maka parti ini tidak mendapat sambutan yang menggalakkan. Akhirnya, mereka menubuhkan parti negara yang bersifat perkauman Melayu. Jelas di sini parti yang bersifat percampuran kaum tidak berjaya menambat hati penduduk kerana pada umumnya ketika itu kepentingan perkauman jelas menguasai suasana politik.

Wujud juga parti yang bersifat ideologi seperti Parti Islam Setanah Melayu (PAS). Parti ini beridealogikan kepada agama Islam. Matlamatnya pula ialah penubuhan sebuah negara yang berlandaskan

ajaran agama Islam. Parti ini kebanyakannya dianggotai oleh pemimpin agama di kampung-kampung dan guru-guru agama. Para pemimpin parti ini telah menuduh UMNO sebagai bersifat Malaya dan bukan bersifat Melayu. Namun parti ini pada keseluruhannya tidak mendapat sokongan yang menyeluruh daripada penduduk kerana ia terbatas kepada orang Islam sahaja.

Walaupun usaha Dato Onn untuk menyatukan kaum menemui kegagalan tetapi sebenarnya melahirkan bibit-bibit perpaduan, ini terbukti apabila Tunku Abdul Rahman selepas Dato Onn menubuhkan Parti Perikatan melalui kerjasama umum antara UMNO dan MCA untuk mencapai kemerdekaan.(Ramlah, 1993). Selepas pilihanraya Majlis Bandaran Kuala Lumpur memperlihatkan kemenangan kepada parti ini di mana memperolehi sembilan kerusi dari 12 kerusi yang dipertandingkan. Bakinya 2 kepada IMP dan 1 kepada calon bebas. Malah parti ini juga mencapai kejayaan yang cemerlang di Melaka, Johor Bahru, Batu pahat dan Muar. Perkembangan ini telah menggalakkan MIC menyertai perikatan pada Oktober 1954. Sekaligus menjadikan parti ini sebuah parti politik yang terbesar di Tanah Melayu ketika itu. Atas desakan tegas UMNO untuk mengadakan pilihanraya Majlis Mesyuarat Persekututuan di mana majlis ini mempunyai 52 anggota yang dengan memberi kuasa kepada parti yang menang memilih 5 daripada 7 anggota yang akan dilantik oleh pemerintah

HUBUNGAN ETNIK

British. Akhirnya pada 27 Julai 1955, pilihanraya Kebangsaan persekutuan Tanah Melayu diadakan pertama kalinya. Ketiga-tiga parti tersebut telah keluar bertanding. Antara saingannya ialah parti negara, parti Islam Semalaya, parti Progresif rakyat, parti Buruh Semalaya, Ikatan Melayu Perak dan lain-lain lagi. Keputusan pilihanraya itu telah memberi kemenangan besar kepada Perikatan dimana telah memenangi 51 kerusi daripada 52 yang dipertandingkan. (Ramlah, 1993). Era ini menunjukkan bahawa kemajuan ke arah kemerdekaan hanya boleh dicapai dengan kerjasama dari ketiga-tiga kaum terbesar di Tanah Melayu. Selanjutnya parti ini telah membentuk sebuah kabinet dengan diketuai oleh Tunku Abdul Rahman sebagai Ketua Menteri. Iaitu terdiri daripada 10 menteri, 6 dari UMNO, 3 dari MCA dan seorang dari MIC. Kemerdekaan yang dicapai pada 31 Ogos 1957 sebenarnya belum bebas dalam rangka yang sebenarnya, di mana pegawai British masih memainkan peranan mereka dalam soal pemerintahan kementerian penting seperti Kementerian Pertanian, Kementerian Perkhidmatan Awam dan lain-lain lagi masih dikuasai oleh pegawai-pegawai British.

PENUBUHAN MALAYSIA

Negara kita Malaysia telah mengecapi nikmat kemerdekaan selama 50 tahun. Usia 50 tahun ini telah menjadikan Malaysia sebuah negara yang matang dan berfikiran waras dalam menghadapi dugaan, saingan dan berbagai percubaan yang mengganggu gugat kemerdekaannya. Selepas laungan Merdeka ada 31 Ogos, 1957, satu persefahaman penting iaitu Penubuhan Malaysia telah pula dipersetujui dengan menggabungkan Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak, Singapura dan Brunei. Walau bagaimanapun Brunei kemudiannya telah menarik diri dengan alasan-alasan tersendiri.

Pada hari ini pada 9 Julai 1963 satu perjanjian penting telah ditandatangani di Malborough House, London iaitu Pejabat Perhubungan Komanwel. Perjanjian Penubuhan Persekutuan Malaysia ini telah ditandatangani oleh Kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura.

Perundingan ini, adalah lanjutan dari rundingan-rundingan yang telah diadakan sebelumnya, dan merupakan perundingan yang paling rumit di mana soal Singapura dan pasaran bersama negeri-negeri dalam Malaysia dititikberatkan. Rundingan yang hampir menemui jalan buntu itu akhirnya telah dapat diselesaikan. Hanya soal kemasukan negeri Brunei yang tidak dapat diselesaikan.

Perjanjian Malaysia itu telah memperlihatkan dengan jelasnya bahawa gagasan Persekutuan Malaysia mendukung dasar kemasukan negeri-negeri lain ke dalam Malaysia dengan secara sukarela. Keengganan Brunei menyertai Persekutuan Malaysia juga menjadi bukit yang nyata bahawa Malaysia lahir tanpa paksaan apa-apapun.

Upacara yang mengakhiri sejarah penjajahan British selama beratus tahun di Singapura, Sabah dan Sarawak telah ditandatangani dalam lima salinan oleh wakil-wakil kerajaan-kerajaan yang terlibat.

Kerajaan British telah diwakili oleh Perdana Menteri Encik Harold Macmillan, Encik Ducan Sandys dan Lord Landsdowne. Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pula telah diwakili oleh Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Encik Tan Siew Sin, Datuk V.T. Sambanthan, Datuk Ong Yoke Lin dan Dr. Lim Swee Aun. Sabah pula telah diwakili oleh Datuk Mustapha bin Datuk Harun, Encik Donald A. Stephen, Encik W.K.H. Jones, Encik Khoo Siak Chiew, Encik W.S. Holley dan Encik G.D. Sundang. Wakil-wakil dari negeri Sarawak pula terdiri daripada Encik P.E.H. Pike, Temenggung Jugah, Datuk Bandar Abang Haji Mustapha, Encik Ling Beng Siew dan Datuk Abang Haji Openg. Sementara Singapura telah diwakili oleh Encik Lee Kuan Yew dan Encik Goh Keng Swee.

HUBUNGAN ETNIK

Pembentukan Malaysia menandakan persefahaman yang wujud di kalangan negara-negara ini. Kestabilan politik dan ekonomi adalah merupakan matlamat utama di samping mengukuhkan keselamatan di rantau ini.

Pada hari ini dalam tahun 1963 seiring dengan dentuman 101 das tembakan meriam dan teriakan "MERDEKA", Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman telah mengisytiharkan kelahiran sebuah negara baharu kepada seluruh dunia. Negara itu ialah Malaysia. Stadium Merdeka yang dibanjiri oleh 30,000 umat Malaysia telah bergema kembali dengan laungan semangat rakyat seperti 6 tahun yang Ialu dalam tahun 1957 ketika Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya. Upacara membaca Deklarasi Penubuhan Malaysia itu telah dilakukan di hadapan DYMM Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong, Raja-raja Melayu, Gabenor-gabenor Pulau Pinang, Melaka, Singapura, Sarawak dan Sabah. Turut serta dalam upacara itu ialah tiga orang pemimpin dari tiga buah negara yang baharu di dalam Persekutuan Malaysia iaitu Lee Kuan Yew, Donald Stephens dan Stephen Kalong Ningkan. Upacara ini telah dlhadiri juga oleh Kabinet, anggota-anggota diplomat asing di Kuala Lumpur serta wakil-wakil dari Kerajaan-Kerajaan yang telah dijemput khas.

HUBUNGAN ETNIK

Upacara perisytiharan kelahiran Malaysia ini telah dimulakan dengan keberangkatan tiba DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Selepas selesai memeriksa perbarisan kawalan kehormatan dari Askar Melayu Diraja, Seri Paduka Baginda telah bertitah dengan ringkas menyatakan rasa syukur Baginda kerana rahmat yang dilimpahkan Allah ke atas rakyat Malaysia dan mengucapkan tahniah kepada Tunku Abdul Rahman. Kemudiannya Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman telah dipersilakan membaca perisytiharan itu. Perisytiharan penubuhan Malaysia ini adalah hasil dari satu perjanjian yang telah diperbuat pada 9hb Julai 1963 di antara Persekutuan Tanah Melayu, United Kingdom, Sabah, Sarawak dan Singapura yang telah bersetuju untuk membentuk sebuah negara baru yang bersatu yang dinamakan Persekutuan Malaysia. Dengan penubuhan Persekutuan Malaysia ini, maka Sabah, Sarawak dan Singapura telah terlepas dari belenggu takluk Britain dan Baginda *Queen* tidak lagi mempunyai 'kedaulatan serta kuasa ke atas ketiga-tiga buah negeri itu.

Selepas pengisytiharan itu Tunku Abdul Rahman telah meneriakkan "MERDEKA" sebanyak tujuh kali dan telah disambut berselang-seli oleh orang ramai dengan penuh semangat. Upacara itu di akhiri dengan bacaan doa selamat oleh Tuan Mufti Negeri Sembilan, Tuan Haji Ahmad bin Mohammad Said. Lagu *Negaraku* telah dimainkan

dan perbarisan kehormatan askar Melayu Diraja telah memberikan tabik hormat kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong untuk berangkat pulang. Seluruh upacara ini, yang telah berlangsung dalam masa 40 minit telah diketuai oleh Datuk Maharajalela, Datuk Nik Mustapha Fadzil.

Negara yang telah diwujudkan pada hari ini dalam tahun 1963 sesungguhnya telah lahir dari lubuk hati umat yang inginkan kemerdekaan dan kebebasan sebagai satu bangsa yang berhak dan punya harga diri. Peristiwa perisytiharan satu hakikat sejarah dan akan kekal menjadi hakikat sejarah selama-lamanya.

SINGAPURA BERPISAH DENGAN MALAYSIA

Pada tahun 1965, Singapura telah dipisahkan dari Persekutuan Malaysia. (Berita Harian,1965). Pengisytiharan mengenai pemisahan ini telah dibuat oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Malaysia di Dewan Rakyat.

Mulai tarikh ini, Singapura telah terhenti dari menjadi sebuah negeri dalam Malaysia dan selamanya bebas merdeka dan berdaulat dari Malaysia. Singapura sebelum ini telah memasuki Persekutuan Malaysia pada 16 September 1965 yang mana telah membebaskannya dari belunggu penjajahan Inggeris.

Tindakan pemisahan Singapura dari Malaysia adalah satu-satunya jalan keluar yang paling baik demi perpaduan kaum, kestabilan ekonomi dan menghindarkan konflik politik di antara Kerajaan Malaysia yang dikuasai oleh Parti Perikatan dengan Parti Tindakan Rakyat yang berkuasa di Singapura. Tindakan ini dibuat setelah satu persetujuan dicapai di antara kedua-dua pihak.

YTM Tunku Abdul Rahman juga mengatakan sebab-sebab lain pemisahan ini adalah kerana sikap setengah pemimpin-pemimpin politik Singapura yang memperjuangkan konsep 'Malaysian Malaysia', menafikan kewujudan institusi Kesultanan Melayu, menentang hak-hak keistimewaan orang-orang Melayu dan Bumiputera dan tidak adanya persefahaman pendapat dalam meningkat dan memajukan dasar-dasar perdagangan, pembahagian cukai dan perindustrian.

Walau bagaimanapun pemisahan Singapura dari Malaysia ini dibuat dengan persefahaman bahawa Malaysia dan Singapura akan terus bekerjasama dalam bidang-bidang pertahanan, perniagaan dan perdagangan. (Malaysia Kita: Panduan & Rujukan Untuk Peperiksaan Kerajaan, 2003). Satu persetujuan telah dibuat dan ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Dalam perundingan tersebut Malaysia telah diwakili oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Abdul Razak, Dato' Dr. Ismail b. Abdul Rahman, Tan Siew Sin dan Dato' V.T. Sambanthan.

Sementara Singapura diwakili oleh Eneik Lee Kuan Yew, Dr. Toh Chin Chye, Dr. Goh Keng Swee, Encik Sa Rajaratnam dan Eneik Othman Wok.

Berikutan dari pemisahan Singapura daripada Malaysia secara automatik seseorang rakyat Singapura tidak lagi menjadi warganegara Malaysia. Oleh yang demikian 2 orang Senator dan 15 orang ahli Parlimen dari Singapura tidak lagi menjadi ahli Parlimen Malaysia, segala harta benda dan hak-hak serta tanggungan yang sebelum Hari Malaysia dulu menjadi tanggungjawab Kerajaan Singapura dan diserahkan kepada Kerajaan Malaysia, mulai hari ini terpulang semula kepada Kerajaan Singapura. (Malaysia Kita: Panduan & Rujukan Untuk Peperiksaan Kerajaan, 2003)

Di samping itu, semua orang termasuk anggota-anggota angkatan bersenjata, pasukan polis, mahkamah dan lain-lain yang mana selepas Hari Malaysia dulu menjadi kakitangan Kerajaan Malaysia, mulai hari ini mereka kembali menjadi kakitangan Kerajaan Singapura. Bagaimanapun Kerajaan Malaysia akan terus mematuhi perjanjian-perjanjian mengenai bekalan air yang telah dibuat di antara Kerajaan Singapura dengan Kerajaan Johor.

Walaupun telah berpisah, Kerajaan Malaysia tetap mengiktiraf Kerajaan Singapura sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat dan sentiasa akan bekerjasama dan bersahabat dengannya.

PERISTIWA BERDARAH 13 MEI 1969

Pada tahun 1969, telah berlaku satu peristiwa yang hampir-hampir menghancurkan keutuhan negara yang dikenali sebagai Tragedi 13 Mei. Tragedi yang menggugat keutuhan negara ini adalah ekoran dari pilihanraya kebangsaan yang telah berlangsung pada 10hb Mei 1969 di mana emosi dan sentimen perkauman telah disuarakan dengan begitu lantang. (The May 13 Tragedy; A Report of the National Operations Council (Intro); Government Press, 1969). Keadaan ini telah digunakan sepenuhnya oleh pihak-pihak tertentu untuk tujuan-tujuan politik mereka. Hasil dari pilihanraya ini Parti Perikatan telah berjaya menubuhkan kerajaan sekali lagi tetapi dengan kelebihan undi yang kurang dari kemenangan-kemenangan yang lampau dan tanpa perwakilan dari MCA. (Berita Harian, 1970).

Akibat dari tragedi ini banyak nyawa yang tidak berdosa telah terkorban dan harta benda musnah. Bagaimanapun, peristiwa malang ini adalah merupakan satu rahmat yang tersembunyi. Ia adalah merupakan titik perubahan corak dan falsafah sosio-politik dan ekonomi negara, juga menyedarkan semua pihak betapa jurang

perbezaan sosial dan ekonomi adalah merupakan masalah asas masyarakat Malaysia. Untuk mengawal keadaan tindakan segera telah diambil oleh kerajaan dengan mengisytiharkan darurat di seluruh negara oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (Ahmad,1972).

Pada keesokan harinya Majlis Gerakan Negara atau ringkasnya 'MAGERAN' ditubuhkan untuk bertindak sebagai badan pemerintah. (Ahmad,1972). Pada 16hb Mei, serentak dengan pengisytiharan Darurat, Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Razak telah dilantik sebagai Pengarah MAGERAN. (Ahmad,1972) Dengan pembubaran Parlimen oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong, MAGERAN menubuhkan MAJLIS PERUNDINGAN NEGARA pada bulan Januari, 1970 yang mengandungi 66 orang ahli dari semua golongan masyarakat berbagai kaum. Majlis Perundangan Negara ini mengadakan dialog yang serius di kalangan anggota-anggotanya bagi mencari jalan untuk menguatkan perpaduan negara dan menyediakan satu asas yang kukuh dan kekal untuk kembali kepada demokrasi berparlimen, dan mendapatkan satu panduan yang positif dan praktikal dalam usaha mencapai kedasama antara kaum dan identiti masyarakat Malaysia yang tulin. Daripada perbincangan kesemua wakil dari semua kaum dan golongan ini lahirlah konsep RUKUN NEGARA sebagai manifestasi ideologi kebangsaan.

Berdasarkan kepada semangat RUKUN NEGARA, Jawatankuasa Ekonomi Majlis Perundingan Negara telah melahirkan DASAR EKONOMI BARU yang bertujuan untuk menyusun semula masyarakat dan menghapuskan kemiskinan, serta memelihara keselamatan negara. Dasar Ekonomi Baru inilah yang menjadi asas dan dasar pembangunan negara dalam semua bidang.

KEADAAN POLITIK MALAYSIA SELEPAS PERISTIWA 13 MEI 1969

Selepas peristiwa 13 Mei, satu Ideologi telah diisytiharkan iaitu Rukunegara. Parti Perikatan telah disusun semula dan diperbesarkan sebagai sebuah Barisan Nasional dengan bidang yang luas dalam spektrum parti- parti politik. Tun Razak bukan sahaja melahirkan Barisan Nasional (BN) tetapi berjaya membawa PAS masuk dalam BN.

Dasar Ekonomi Baru (DEB) diwujudkan untuk membasmi kemiskinan tidak mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat bagi mengurangkan dan menghapuskan perbezaan perkauman mengikut fungsi- fungsi ekonomi. DEB telah beroperasi sehingga tahun 1990 – an dengan harapan masyarakat Melayu memiliki sekurang-kurangnya 30% sektor ekonomi moden iaitu bidang perniagaan dan pelaburan. (Dr. Mahathir, 1995)

KEADAAN POLITIK MALAYSIA KINI

Parti politik utama Malaysia, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), telah memegang kuasa bersama parti - parti yang lain sejak kemerdekaan Malaya pada 1957. Pada 1973, perikatan parti yang berasaskan kepada kaum telah digantikan dengan perikatan yang lebih besar iaitu Barisan Nasional yang mempunyai 14 parti. Hari ini perikatan Barisan Nasional mempunyai tiga komponen penting - UMNO, MCA (Pertubuhan Cina Malaysia) and MIC (Kongres India Malaysia). Perdana Menteri Malaysia adalah ahli daripada parti Melayu (UMNO) di dalam perikatan Barisan Nasional.

Pada awal september 1998, Perdana Menteri Mahathir bin Mohamad telah memecat Timbalan Perdana Menteri Anwar Ibrahim atas tuduhan melakukan perbuatan tidak bermoral dan juga korupsi. (Utusan Malaysia, 1998).Anwar mengatakan bahawa penyingkirannya adalah kerana perbezaan politik antaranya dan Mahathir. Beliau telah melancarkan beberapa siri tunjuk perasaan untuk mendesak diadakan reformasi pada sistem politik Malaysia. Kemudiannya, Anwar telah ditangkap, dipukul ketika ditahan di penjara (termasuk dipukul oleh Ketua Polis Negara), dan didakwa dengan kesalahan melakukan rasuah, dalam kedua-dua konteks undang-undang dan moral, pendakwaan-pendakwaan termasuklah halangan keadilan dan liwat.

HUBUNGAN ETNIK

Pada bulan April 1999, beliau telah didapati bersalah kepada empat pendakwaan korupsi dan telah dijatuhkan penjara selama 6 tahun. Pada bulan Ogos 2000, Anwar telah didapati bersalah pada pendakwaan liwat dan telah dijatuhkan 9 tahun berturut-turut selepas kesalahan yang dijatuhkan selama 6 tahun tersebut. Kedua-dua perbicaraan telah dipandang oleh pemerhati tempatan dan antarabangsa sebagai tidak adil. (Harakah, 1999) Sabit kesalahan Anwar terhadap kes liwat telah ditukar menjadi sebaliknya, dan beliau telah menyempurnakan 6 tahun penjara bagi korupsi, beliau telah dibebaskan daripada penjara. Dalam pilihan raya umum November 1999, Barisan Nasional telah kembali berkuasa dengan tiga perempat daripada keseluruhan kerusi parlimen, tetapi kerusi UMNO telah jatuh dari 94 ke 72. Pakatan pembangkang Barisan Alternatif, yang telah diketuai oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS), telah meningkatkan kerusinya kepada 42. PAS kembali mengawal kerajaan negeri Kelantan dan telah memenangi kerajaan negeri Terengganu. (Berita Harian, 1999).

Perdana menteri kini adalah Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi (lebih mesra dipanggil sebagai 'Pak Lah'). Beliau mengambil alih pentadbiran berikutan persaraan Dr. Mahathir (sekarang Tun Dr. Mahathir) pada 31 Oktober 2003. Abdullah Badawi dilihat sebagai tokoh yang lebih bertolak ansur dan lemah-lembut jika dibandingkan dengan Tun Dr.

Mahathir yang gayanya lebih berterus terang dan bersifat konfrontasi. Beliau berikrar untuk meneruskan dasar-dasar berorientasikan agenda pembangunan Tun Dr. Mahathir, sementara itu membuat kurang kenyataan pengisytiharan berkaitan dasar luar berbanding Tun Dr. Mahathir, yang kerap kali menyelar negara-negara barat, iaitu Amerika Syarikat dan Australia secara khusus. (Utusan Malaysia, 2003)

Dalam pilihan raya umum pada Mac 2004, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi mengetuai Barisan Nasional untuk mencapai keputusan undi yang besar, yang mana Barisan Nasional mendapat semula negeri Terengganu. Kini kerajaan campuran menguasai 92% kerusi dalam Parlimen. Pada tahun 2005, Dr. Mahathir telah menyatakan "Saya percaya negara ini harus mempunyai kerajaan yang kuat tetapi tidak terlalu kuat. Suatu majoriti dua pertiga seperti yang saya nikmati ketika saya merupakan perdana menteri adalah cukup tetapi suatu majoriti sebanyak 90% adalah terlalu kuat. Kami memerlukan parti pembangkang untuk mengingatkan kami jika kami membuat kesilapan. Apabila anda tidak ditentang, anda berpendapat bahawa setiap perkara yang anda buat adalah betul."

Pada pilihan raya umum tahun 2008, parti-parti pembangkang berjaya menghalang Barisan Nasional dari meraih majoriti $\frac{2}{3}$ buat kali pertama sejak tahun 1969, iaitu 82 daripada 222 kerusi di Dewan

Rakyat. Tiga parti pembangkang utama, iaitu Parti Keadilan Rakyat, Parti Tindakan Demokratik dan Parti Islam Se-Malaysia membentuk satu perikatan bergelar Pakatan Rakyat tidak lama selepas kejayaan ini. (Harakah, Mac 2008)

Politik Malaysia kini berada dalam keadaan yang tidak menentu. Pemecahan Melayu kini jelas terbayang dengan terbahagi mereka kepada yang menyokong UMNO, PAS, PRM dan PKR. Pemecahan ini merisaukan UMNO. Kerisauan ini lebih memuncak kerana Melayu kini telah mula mengalih arah dari UMNO ke PAS, PRM dan PKR. Habis apakah yang tinggal bagi UMNO. Sungguhpun masih terdapat mereka yang memberi sokongan kepada UMNO tetapi jelas saban hari makin ramai antara mereka yang mula merubah pandangan dan sokongan kepada parti pembangkang. (Sinar Harian, April 2008)

UMNO yang dahulu menjadi tunggak pemerintahan Barisan Nasional sekarang akan menjadi pengemis dalam Barisan yang dibentuk mereka sendiri. Mereka kini mengemis sokongan komponen lain dalam parti. MCA dan MIC khususnya mempunyai pengaruh yang banyak dikalangan kaum masing masing dan sokongan ini yang diharapkan oleh UMNO bagi membenarkan Barisan Nasional terus memerintah. UMNO. Secara teorinya UMNO memperjudikan rakan-rakan komponen mereka dalam kemelut politik yang dicipta mereka

HUBUNGAN ETNIK

sendiri. Bagi UMNO sokongan masyarakat Cina dan India kepada Barisan Nasional adalah harapan dan nyawa bagi mereka terus memerintah negara ini. Penganalisis Politik meramalkan penubuhan parti politik berasaskan bangsa tidak lagi relevan untuk 10 tahun yang akan datang (Berita Harian, Mac 2008).

KESIMPULAN

Pada peringkat awal, parti politik di Tanah Melayu kebanyakannya bercorak perkauman dan ideologi seperti PKMM, MDU, PAS, UMNO, MCA dan lain-lain lagi. Namun idea Dato Onn dibawah IMP yang bercorak terbuka kepada semua kaum menjadi landasan kepada perkembangan politik di Tanah Melayu. Walaupun ia gagal pada permulaan tetapi Parti Perikatan yang mengamalkan konsep ini telah berjaya dalam pilihanraya pada 1955. Ini menunjukkan masyarakat dalam hal kemerdekaan sanggup melupakan kepentingan masing-masing bagi menghalau British di tanah Melayu. Melalui pilihanraya itu, pemimpin Melayu secara langsung didedahkan mengenai sistem demokrasi Berparlimen. Akhirnya Tanah Melayu mencapai kemerdekaan melalui perpaduan antara tiga kaum ini pada 31 Ogos 1957, manakala Malayan Union merupakan perintis bagi penyatuan ketiga-tiga kaum ini iaitu Melayu, India, dan Cina.

Selepas era Peristiwa berdarah 1969, hubungan kaum di Malaysia lebih erat dengan tertubuhnya DEB. Rakyat berbilang bangsa boleh hidup harmoni. Selepas millenium, pada pilihanraya umum ke 12, parti-parti politik perkauman sudah tidak relevan lagi kerana mereka lebih cenderung kepada perjuangan rakyat, bukan lagi tertumpu kepada sesuatu kaum tertentu. Perkembangan ini jelas

HUBUNGAN ETNIK

menunjukkan hubungan etnik adalah semakin baik kerana pengundi yang berbilang bangsa lebih cenderung kepada kesejahteraan hidup berbanding kepentingan kaum masing- masing.

BIBLIOGRAFI

Akhbar

1. Warta Malaya, (Kuala Lumpur) 1946, 1948
2. Utusan Melayu (Singapura) 1948
3. Berita Harian (Kuala Lumpur) 1965, 1998, 2008.
4. May 13 Tragedy; A Report of the National Operations Council (Intro); Government Press, 1969.
5. Harakah (Kuala Lumpur) 2008.
6. Utusan Malaysia (Kuala Lumpur) 2003.
7. Sinar Harian (Kuala Lumpur) 2008.

Buku dan Rencana

1. Ramlah Adam, (1993). **Dato Onn Jaaafar Pengasas Kemerdekaan**, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
2. Ramlah Adam, (2000). **Dr Burhanuddin Al-Hemyi: Suatu Kemelut Politik**, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
3. Barbara Watson Andaya Dan Leonard Andaya, (1983). **Sejarah Malaysia**, Petaling Jaya: Macmillan Publisher.

4. **Malaysia Kita: Panduan Dan Rujukan Untuk Peperiksaan Am Kerajaan**, (2003). Petaling Jaya: International Law Book Services.
5. Kamaruddin Jaafar, (1980). **Dr. Burhanuddin al-Helmy: Islam dan Kebangsaan Melayu**, Kuala Lumpur: Penerbit Yayasan Anda.
6. Ahmad Bustamam,(1972). **Merintis Jalan Kepuncak**, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Kejora.
7. Fadilah bt Zaini dan Kassim b Thukiman, (2008). **Hubungan Etnik Di Malaysia**, Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia.
8. Victor Purcell, (1967). **Orang- orang Cina di Tanah Melayu**, Oxford: Oxford University Press.
9. Dr. Mahathir Mohamad, (1995). **The Early Years 1947-1972**, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn.Bhd.